

Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian

Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin, Tunku Salha Tunku Ahmad, Nurul Naimah Rose, Siti Nor Ayu Basir, Adi Anuar Azmin, dan Abdul Jalil Ramli

Centre of Excellence for Social Innovation & Sustainability (CoESIS), Cluster of Human Wellbeing & Gender Equality, Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis

ABSTRAK

Umum memahami bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah menyebarkan nilai-nilai keperibadian luhur dalam kerangka peradaban manusiawi. Namun begitu, pada zaman dekaden skala nilai yang dimartabatkan secara konkrit telah disongsangkan. Sebaliknya, nilai-nilai hedonistik serta materialistik kelihatan sebagai sesuatu yang agung dan klimaks kepada objektif kebahagiaan dalam kehidupan. Justeru, apabila jiwa-jiwa manusia melazimi melakukan kesalahan dan kebobrokan, bermulalah proses kejatuhan dan keruntuhan sesebuah tamadun manusiawi disebabkan kehilangan tenaga untuk peningkatan dan diruntun oleh kuasa sakral yang tidak dapat dielakkan. Atas kesedaran itulah, nilai-nilai luhur yang menjadi teras kepada pembentukan negara bangsa perlu diberi nafas semula untuk membugarkan peradaban Malaysia berdasarkan kerangka masyarakat madani. Dalam proses pembangunan manusia, falsafah nilai begitu ditekankan dalam al-Qur'an kepada setiap insan kerana elemen tersebut berfungsi sebagai kawalan rohaniah yang mengawal manusia daripada melakukan pencerobohan yang boleh menggugat kemaslahatan umum manusia. Kelonggaran pegangan nilai-nilai luhur dalam diri manusia akan membuka ruang kepadanya untuk terlibat dalam aktiviti negatif yang menyalahi tuntutan keagamaan dan impaknya turut memberi kesan yang negatif kepada institusi masyarakat dan negara amnya. Atas kepentingan tersebut, Islam begitu memandang serius persoalan nilai-nilai luhur dalam kehidupan manusia disebabkan elemen ini mempunyai peranan dalam mendidik manusia secara zahir dan ma'nawi. Dalam konteks masyarakat dan negara berbilang kaum dan agama, teras tamadunnya haruslah dibentuk daripada unsur-unsur universal, iaitu asas-asas yang diterima sebagai kepunyaan semua kaum dan semua agama. Hanya dengan cara demikian sahaja sesuatu teras tamadun itu boleh menjadi penyatu yang berkesan. Justeru, penulisan artikel ini adalah berdasarkan kepada kajian kualitatif yang memfokuskan kepada kaedah analisis kandungan. Secara umumnya, kerangka asas acuan masyarakat Madani yang dislogan oleh Perdana Menteri masa kini adalah relevan dan realistik untuk dilaksanakan di Malaysia. Tradisi pendekatan pemerkasaan nilai sosial dalam menangani isu-isu besar yang melibatkan kepentingan semua kelompok etnik dan agama, iaitu permuafakatan, pendekatan kepada hikmah kolektif bangsa dan negara yang banyak kebaikan selama ini haruslah dikekalkan dan dipelihara dengan sebaiknya serta perlu diperkukuhkan.

Kata kunci: Masyarakat Madani, nilai-nilai luhur, peradaban, falsafah, Malaysia

PENDAHULUAN

Secara umumnya, gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan semula oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim adalah bertujuan untuk memartabatkan semula strategi tata keloka dan pentadbiran negara secara lebih efektif dengan memberi penekanan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya yang berteraskan nilai, etika atau akhlak. Malahan istilah Madani yang sememangnya sudah sekian lama dipopularkan suatu ketika dahulu adalah bertujuan untuk memberi keutamaan kepada misi kemanusiaan. Ini kerana, dalam proses negara mencapai tahap kemajuan ia perlu diimbangi dengan nilai-nilai spiritual sebagai katalis kepada

pelengkap acuan kemajuan negara dan kesejahteraan masyarakat. Sekiranya berlaku ketidakseimbangan tersebut dibimbangi berlakunya nilai-nilai ketempangan dan kepincangan seperti salah laku serta rasuah yang boleh merosakkan negara bangsa dan meruntuhkan sesebuah peradaban.

Perkataan Madani yang berasal daripada bahasa al-Qur'an perlu diterjemahkan dengan penuh tanggungjawab dan dengan makna yang sahih. Pemahaman yang jelas dan berobjektif adalah untuk mengelak daripada salah faham dan songsang dalam memahami dan merealisasikan semangat dalam melaksanakan pendekatan negara Madani. Perlaksanaannya perlu mengambil contoh pendekatan yang dibawa oleh Baginda S.A.W dalam menguruskan urusan pentadbiran negara kota dan pembangunan kemanusiaan.

Bertitik-tolak daripada semangat dan falsafah negara Madani, sudah pastilah slogan yang dialunkan tersebut perlu kepada proses translasi iaitu satu penjelmaan dengan keadaan semua titik pada suatu satah digerakkan di sepanjang satu garis lurus dalam arah yang sama. Dengan kata lain, dasar yang dibangunkan oleh pihak pemerintah perlu mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada rakyat. Hasrat dan impian tersebut perlu disambut dan diberi sokongan yang padu bagi merealisasikan proses dan pengisian objektif negara Madani di Malaysia.

Secara emphasisnya, cita-cita dan keazaman untuk membangun Malaysia menurut kerangka masyarakat Madani perlu memenuhi keterangkuman kondisi masyarakat bertamadun. Penekanan kepada tindakan tersebut bukan sahaja dari aspek zahiriah semata-mata malah perlu diimbangi spiritual. Keperluan manusia terhadap aspirasi spiritual dan hidup yang lebih bermakna sebagai satu solusi terhadap krisis spiritual yang dihadapi oleh masyarakat moden kini. Isu berkaitan persoalan ini telah menjadi polemik para sarjana dalam gelanggang intelektual. Sebagai contoh, para sarjana psikologi Barat seperti Maslow, Frankl, Zohar dan Marshall telah menunjukkan signifikan hubungan antara jasad dan spiritual manusia dengan kejayaan hidup seseorang. Namun, secara teorinya mereka menolak keperluan relevansi antara spiritual dengan agama dan berpandangan bahawa elemen spiritual hanyalah bersifat aspirasi kehidupan fizikal manusia semata (Suriani Sudi, 2017). Pandangan tersebut jelas berlaku kontradiksi dengan pandang dunia (*weltanschauung*) yang ditaja oleh Islam.

Tegasnya, konsep Madani menitik beratkan kepada masyarakat yang diurus dengan baik dan mencapai tujuan pembinaan peradaban bangsa. Pelaksanaannya adalah bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang berfungsi untuk mencapai kesejahteraan dan kebahagiaan. Maka, maksud pembangunan itu bukan semata-mata terlihat dengan kerangka projek pembinaan yang boleh dilihat dengan mata kasar tetapi dengan memakmurkan dunia atas kapasiti setiap insan sebagai *khalifatulard*.

DEFINISI NEGARA MADANI

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan "Madani" membawa erti maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (masyarakat, generasi dan sebagainya). Madani juga memberi konotasi sebagai usaha untuk membentuk masyarakat dengan menyuntik nilai-nilai murni kekeluargaan dan kurikulum yang terarah kepada pembinaan masyarakat. Menurut Osman Bakar (1997), beberapa tokoh intelegensia telah mempelopori teoritikal istilah dan konsep Madani dalam konteks perbincangan ilmu. Antara tokoh yang menonjol dan mengangkat konsep Madani seperti al-Farabi, Ibn Miskawayh dan Ibn Khaldun. Kupasan dan perbincangan konseptual konsep Madani yang dibahaskan oleh golongan intelektual tersebut adalah lebih konkrit dan berilmiah berbanding dengan perbincangan awal yang telah dilakukan oleh para sarjana falsafah tradisional seperti Plato dan Aristotle.

Dalam pada itu, al-Farabi (1931) antara watak pelopor utama yang menuntaskan idea Madani dalam disiplin ilmu falsafah. Perbincangan istilah Madani dan konsepnya yang dikembangkan telah melalui proses kematangan ilmu yang akhirnya cenderung kepada satu disiplin yang lebih tersusun di bawah cabang disiplin ilmu politik (*siyasah*). Pandangan yang dipetik daripada Osman Bakar (1997) menukilkan bahawa pengertian asal yang digunakan oleh Plato dan Aristotle dalam konteks politik iaitu *politica*, *politicon* dan *politicus*. Dari sudut yang lain, Aristotle telah mendefinisikan manusia sebagai *politicon zoon* dari sudut tingkah lakunya. Berbeza pula dengan pandangan yang dikemukakan oleh al-Farabi dan Ibn Miskawayh yang menyatakan bahawa manusia dari sudut fitrahnya ialah haiwan Madani. Meskipun al-Farabi telah memelopori istilah Madani yang dikembangkan daripada istilah *politicon* sebagaimana yang diperkenalkan oleh Aristotle tetapi bukan membawa maksud secara spesifik kepada ilmu politik. Ini kerana, pemakaian umum berkaitan politik adalah mempunyai persamaan dengan konteks *siyasah*. Malah al-Farabi telah memberi penegasan bahawa terdapat perbezaan antara Madani dan *siyasah*. Ternyata ilmu *siyasah* hanyalah merupakan sebahagian daripada sub dalam disiplin ilmu Madani. Secara emphasisnya, konsep Madani yang dilontarkan oleh al-Farabi lebih luas pemahaman dan skopnya berbanding dengan kerangka konseptual *politicon* yang diperkenalkan oleh Aristotle. Dengan kata lain, kupasan berkaitan dengan istilah Madani adalah lebih dekat dengan maksud ilmu ketamadunan, peradaban atau konsep negara Islam.

Selain itu, antara pemikir Islam kontemporari yang menyumbang kepada perbincangan masyarakat Madani ialah Rashid al-Ghannoushi. Negara Madani yang diilustrasikan oleh al-Ghannoushi adalah berorientasikan *karamah insaniah* iaitu kemuliaan manusia. Pendekatan yang diambil oleh al-Ghannoushi diprojekkan kepada sebuah negara yang berteraskan masyarakat sivil (al-Ghannoushi, 1999). Sebagai perinciannya, negara sivil atau dengan ketentuan yang dikenali sebagai (*dawlah Madaniyyah*) adalah berteraskan kepada nilai-nilai dan ajaran Islam. Tegasnya, nilai-nilai tersebut diperkayakan dengan *maqasid al- Shariah* dan memberi penekanan kepada jaminan kebebasan (*al-hurriyah*) serta hak asasi kemanusiaan (*huquq al-Insan*) (al-Ghannoushi, 2012). Definisi negara Madani juga tidak hanya terbatas kepada autoritatif negara Islam semata-mata malah diperluaskan penafsirannya yang mencakupi keterjaminan kebebasan semua untuk mengamalkan agamanya secara adil dan tanpa perasaan takut (Abdelwahab el-Affendy, 2008).

Berdasarkan kepada perbincangan dan perbincangan para intelegensia muslim berkaitan definisi istilah Madani jelaslah bahawa istilah yang digunakan pada hari ini bukanlah satu istilah asing dan baharu diperkenalkan dalam kerajaan Malaysia pada hari ini. Bahkan istilah ini telah diperkenalkan oleh ahli falsafah tradisional silam dan dikembangkan oleh sarjana muslim terdahulu dan kontemporari pada masa kini. Justeru, pemakaian istilah Madani cenderung merujuk kepada pembentukan negara bangsa yang berperadaban berdasarkan kepada kerangka ajaran Islam.

KONSEP NEGARA MADANI

Bagi mengupas persoalan berkaitan konsep Madani adalah baik sekiranya penulisan artikel ini merujuk kepada perbincangan para sarjana dari sisi kupasan ilmiah. Sarana-sarana yang dikemukakan oleh ahli ilmu berkaitan konsep Madani akan dibahas dan disimpulkan secara ringkas. Menurut al-Farabi (1931), konsep Madani cenderung memfokuskan berkaitan ilmu ketamadunan dan peradaban. Skop kajian perbincangannya cenderung memerihalkan berkaitan bagaimana manusia mengatur sistem kehidupan yang merangkumi sistem akhlak dan nilai yang diperlukan dalam menguruskan sistem kehidupan manusia yang efisien. Sistem kehidupan ini juga perlu disokong dengan ilmu politik dan tadbir urus yang baik bagi kelangsungan peradaban manusia yang seimbang dengan keperluan duniawi dan ukhrawi. Perbincangan konsep ini juga turut merangkumi kajian bagaimana manusia perlu bertindak dalam ruang lingkup perlakuan

hidup yang baik dan sejahtera dalam membangunkan negara bangsa dan ilmu pemerintahan berteraskan adab dan etika yang terpuji.

Dalam konteks masyarakat Madani, kerjasama erat antara pemerintah dan rakyat amat penting atas nama kepentingan umum adalah satu perkara asasi yang perlu dipenuhi. Masyarakat Madani perlu digerakkan atas mekanisme bantu membantu dan tolong menolong antara anggota masyarakat. Secara naratifnya, kehidupan yang bersifat Islami perlu diasimilasikan dengan komponen akidah, ibadah, syariah dan akhlak. Pengabaian terhadap aspek akidah mengakibatkan manusia tidak akan ada asas menghubungkan dirinya dengan Pencipta. Kepatuhan secara total untuk memenuhi tuntutan dan larangan sebagai hamba serta menjalankan fungsi sebagai *khalifatulard* adalah satu perkara penting sebagai objektif utama manusia diciptakan. Pematuhan terhadap komponen ibadah secara dogmatif akan menzahirkan jiwa yang patuh, taat, akur dan tunduk. Darinya kehidupan menjadi teratur dan tersusun seumpama tertibnya alam ini. Melalui mekanisme syariah pula membolehkan landasan hidup berada di tempat yang betul. Secara nisbinya, manusia akan tempang dan melampaui batas. Dalam pada itu, akhlak merupakan citra dan cerminan manusiawi. Pada dasarnya, manusia dirujuk kepada kekuatan akhlaknya kerana ia adalah pancaran rohani yang tinggi. Natijah akhir daripada berpegang kepada akidah yang mantap, ibadah yang berterusan, dipandu oleh syariah yang sah bakal menghasilkan manusia yang terpuji dari segi adab dan akhlaknya (Sidek Baba, 2007).

Pandangan ini juga turut disambut dan disokong oleh Ibn Miskawayh yang berpendapat bahawa kerangka dan konseptual masyarakat Madani adalah sinonim dengan masyarakat yang memiliki tamadun yang tinggi. Oleh yang demikian, pemakaian istilah *madaniyyah* yang relevan dengan istilah Madani adalah difahami dengan konotasi perbandaran dan kemakmuran yang diperolehi melalui kerjasama dan keadilan rakyat dan kerajaan yang beriltizam dengan neraca keadilan yang saksama (Ahmad Amin dan al-Sayyid Ahmad Saqr, 1952). Pemahaman Ibn Miskawayh ini memberi satu indikasi bahawa konsep masyarakat Madani adalah ilmu berkaitan pembinaan negara kota yang menuntut kepada rakyat dan juga pemerintah untuk menggembeling seluruh usaha dan tenaga serta pemikiran untuk bertindak mencapai kebahagiaan ataupun kesejahteraan. Secara tidak langsung, pemahaman yang jelas berkaitan kerangka konsep ini menjadi panduan dan pedoman untuk membentuk acuan bagi sesebuah masyarakat yang berperadaban tinggi. Keseimbangan pembangunan ini tidak hanya memberi fokus secara total kepada pengisian pembangunan fizikal semata-mata tetapi juga pengisian dari dimensi spiritual sebagai intipati kepada asas-asas penting perkembangan sesebuah peradaban manusia.

Berdasarkan kepada penulisan yang dilakukan oleh Osman Bakar (1997) dengan menumpukan kepada penulisan al-Farabi, beliau telah menyatakan bahawa gagasan negara Madani perlu berpaksikan kepada sumber wahyu yang menjadi garis panduan utama kepada pembentukan negara kota. Secara prinsipnya, masyarakat Madani boleh diasaskan sama ada di peringkat desa hingga ke peringkat kota kosmopolitan tetapi juga boleh disebarluaskan di peringkat global. Realiti ini adalah relevan dengan falsafah ajaran Islam yang bersifat universal dan bersesuaian dengan realiti dan kondisi masyarakat dunia sejak mula Islam dikembangkan sehinggalah pada zaman kontemporari. Ajaran Islam tidak bersifat lapuk dan bertentangan dengan fitrah kemanusiaan. Natijahnya, al-Farabi telah menuntaskan idea "*al-madinah al-fadilah*" sebagai citra kepada masyarakat Madani yang tersirat kepada simbol *hasanah* sebagai manifestasi kebaikan. Secara itlaknya, kejayaan yang diprojekkan tersebut tidak hanya dikecapi di alam dunia semata-mata bahkan merentasi alam akhirat.

Menyingkap semula kajian yang dilakukan oleh intelektual dan idea mengenai konsep dan kerangka negara Madani ini, Rashid al-Ghannoushi merupakan antara sarjana kontemporari Muslim yang terkehadapan dalam mengupas topik ini. Meskipun begitu, tidak dinafikan konsep negara bangsa Madani yang dibugarkan semula bukanlah merupakan idea asal Rashid al-Ghannoushi. Perbahasan perkara pokok berkaitan konsep Madani telahpun dibincangkan oleh

beberapa intelektual falsafah silam dan pemikir Islam yang lain, namun beliau boleh dikatakan antara intelektual kontemporari yang mengupas dan mengembangkan idea ini dalam bentuk yang segar, realistik dan semasa. Rashid al-Ghannoushi telah memberikan sumbangan idea pemikiran yang memberi impak kepada gerakan Islam dalam merealisasikan perkembangan dakwah dan politik khususnya melalui konsep negara Madani (Zulkifli Hassan, 2015).

Dalam pada itu, al-Ghannoushi lazimnya membincangkan konsep Madani yang lebih sinonim dengan 'Negara Sivil berteraskan Shari'ah' atau Negara Sivil yang bercitrakan Islam dalam kebanyakan karyanya. Sebagai tamsilannya, al-Ghannoushi cenderung memberi penekanan bahawa isu politik adalah sebahagian daripada ruang lingkup *ijtihad* (Tamimi, 1993). Oleh yang demikian, persoalan-persoalan yang berbangkit berkaitan idealisme politik adalah merupakan komponen yang terangkum dalam disiplin ilmu *siyasi* adalah terbuka kepada pintu *ijtihad* yang bersifat fleksibel dan tidak rigid. Atas kefahaman tersebutlah ia memberi ruang kepada para *fuqaha'* dan sarjana untuk *berijtihad* dan membuat keputusan berdasarkan kepada kemaslahatan umum. Berdasarkan kepada keperluan tersebut sudah pastilah konsep negara Madani ini termasuk dalam ruang lingkup *ijtihad* yang terbuka luas untuk dibahaskan dalam ruang masa kontinum yang dizinkan oleh agama. Tegasnya, model pemerintahan dan pentadbiran sesebuah negara perlu berpaksikan ajaran Islam.

Dari sudut perlaksanannya, konsep negara Madani perlu menjunjung prinsip-prinsip asas seperti penguatkuasaan sistem keadilan yang komprehensif, keterjaminan keharmonian bernegara dan memartabatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Bagi melengkapkan implementasi pelaksanaannya, prinsip-prinsip sokongan lain perlu dilengkapi dan saling menyokong prinsip-prinsip asas seperti menghormati hak asasi dan jaminan persamaan hak, kebebasan bersuara, berfikir dan jaminan sistem agama dan kepercayaan. Beliau juga turut menyokong idea demokrasi, pluralisme politik dan perkongsian kuasa sebagaimana yang dipopularkan oleh Barat. Ini kerana, perubahan sosial dan politik hanya akan berlaku dengan berkesan melalui pendekatan sederhana dan berperingkat. Antara Islam dan idealisme-idealisme lain yang dipopularkan oleh Barat sudah tentu ajaran Islam adalah sebagai satu cara hidup yang sempurna dianggap lebih tinggi berbanding jajaran sistem politik ciptaan manusia yang terdedah dengan kelemahan. Oleh itu, apa sahaja sistem yang ditaja oleh manusia atas apa bentuk teori yang diperkenalkan perlu diselaraskan agar matlamat Islam tercapai, bukan sebaliknya. Dalam erti kata lain, setiap sistem harus kekal sebagai wasilah atau pendekatan, manakala Islam itu adalah objektif yang perlu diutamakan. Meletakkan apa sahaja bentuk rasionalisasi politik ciptaan manusia sebagai matlamat utama berbanding Islam dibimbangi akan mengorbankan kepentingan Islam sebagai satu cara hidup. Ini boleh dilihat dalam perjuangan hak asasi manusia tanpa batas yang menyanggah fitrah kejadian manusia (Mohd Izani Mohd Zain, 2019).

Selari dengan objektif syara', konsep negara Madani perlu digagaskan dengan elemen *'amal ma'ruf* dan mencegah kemungkaran sebagai instrumen untuk mengawasi masyarakat daripada melanggar syariat. Obligasi ini adalah merupakan tugas manusia di muka bumi. Keterangan ini ditegaskan melalui firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Dan hendaklah ada di antara kamu kelompok yang menyeru manusia kepada kebajikan dan yang menyuruh manusia berbuat segala perkara baik dan melarang manusia daripada segala perkara buruk. Dan manusia yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya."

(Ali Imran: 104)

Keperluan untuk tegur menegur dan melarang perbuatan mungkar ini adalah amat kritikal dan diberikan perhatian yang berat di dalam Islam. Malah manusia telah diberi peringatan melalui wahyu bahawa kegagalan melaksanakannya akan mendatangkan natijah yang negatif dalam aspek kehidupan. Penegasan ini dapat difahami melalui firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Orang-orang kafir Yahudi telah dilaknat melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Hal ini berlaku kerana mereka menderhaka dan selalu mencero boh serta tidak saling larang melarangi perbuatan (buruk) yang dilakukan oleh mereka. Sesungguhnya amat buruk perbuatan yang telah dilakukan mereka.”

(al-Maidah: 78-79)

Selain itu, konsep negara Madani tidak boleh memandang ringan dan mengabaikan objektif untuk memperkasakan objektif kemuliaan manusia ataupun dalam ketentuan lain dikenali sebagai *karamah insaniah*. Secara literalnya didefiniskan sebagai menghormati martabat keinsanan dan maruah manusia adalah merupakan sebahagian perkara penting yang diberi penekanan dalam al-Qur’an al-Karim. Prinsip *karamah insaniah* merupakan indikator keinsanan manusia yang membedakannya daripada sekalian makhluk. Atas kepentingan pendekatan prinsip inilah, al-Ghannoushi secara konsisten beriltizam memperjuangkan kesamarataan seperti hak-hak asasi manusia, hak-hak wanita kepada pendidikan, pemilikan harta dan partisipasi politik serta pengiktirafan budaya dan identiti. Bagi merealisasikan kesatuan umat Islam, pendekatan yang ditonjolkan oleh al-Ghannoushi ialah dengan melihat potensi untuk melestarikan kesatuan ini melalui pemberdayaan politik, budaya, pendidikan dan ekonomi sebagai satu keperluan asasi dalam ruang lingkup kemaslahatan manusia sejagat.

Secara umumnya, konsep negara Madani menurut al-Ghannoushi merujuk kepada konsep Negara yang menggabungkan antara elemen demokrasi Islam, *shura*, *al hurriyyah*, hak asasi dan pengiktirafan budaya dan identiti. Al-Ghannoushi menterjemahkan idea ini dalam bentuk yang sangat matang dan realistik. Konsep negara Madani ini adalah universal sebagai manifestasi untuk menjamin dan memartabatkan *karamah insaniah* dalam soal pembinaan negara bangsa yang berperadaban tinggi.

Berdasarkan kepada sebahagian daripada perbincangan para sarjana berkaitan konsep negara Madani, secara ringkasnya dapat dirumuskan dalam rajah seperti berikut:



Gambar rajah 1. Konsep Negara Madani.

RELEVANSI PERLAKSANAAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MADANI

Pelaksanaan gagasan Malaysia Madani pada masa kini merupakan satu usaha positif yang perlu disokong oleh semua pihak pada setiap lapisan rakyat. Terkini, di bawah Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekali lagi teras negara diubah dan dibangunkan dengan pengenalan Malaysia Madani. Secara praktikalnya, Malaysia Madani merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia Madani bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia Madani menjadi katalis kepada masyarakat yang maju dan berperadaban berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan (Berita Harian Online, 2023).

Secara umumnya, Malaysia Madani bakal dilihat sebagai usaha utama penstrukturan semula pengurusan ekonomi negara mendepani cabaran mendatang, sekali gus satu lagi evolusi projek pembentukan identiti nasional kesan perubahan latar politik Malaysia. Projek Madani sebenarnya bukanlah baharu. Bahkan sudah dibentuk dan dibangunkan sejak Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri (1990-1997) melalui agenda Masyarakat Madani. Bahkan, perkataan madani sudah aktif digunakan di Indonesia sebelumnya dalam mewacanakan soal pembangunan tamadun khususnya di Kepulauan Melayu. Secara ringkasnya, ia digarap secara komprehensif dengan idea asas 'Masyarakat Madani di Malaysia' diangkat dan dimasukkan sebagai wacana dalam ruang awam.

Pembugaran semula istilah Madani memberi petunjuk bahawa pendekatan politik baharu dengan wajah Islamik berlatarkan demografi Malaysia sebagai pendekatan baharu yang bertujuan untuk mencapai objektif kesantunan dan keharmonian majmuk. Terdapat enam tema utama yang membina konsep masyarakat Madani sepertimana yang utarakan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim. Secara ringkasnya huraianya adalah seperti berikut (Malaysia Madani, 2023):

KEMAMPANAN

Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan. Unsur lain yang berkait dengan kesejahteraan ialah progresif yang mana dengan gabungan kesemua unsur-unsur kesejahteraan akan mewujudkan rakyat berdaya saing mengembangkan potensi masing-masing tanpa mengorbankan orang lain (Anwar Ibrahim, 2022).

HORMAT

Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia. Pengertian hormat dalam bahasa Arab yang difahami sebagai maksud maruah, adab yang merangkumi budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan. Selain itu, pentafsiran maknanya boleh diperluaskan kepada efikasi hormat berlaku bilamana manusia saling mempraktikkannya. Amalan hormat-menghormati rakyat akan saling memahami antara satu dengan yang lain serta dapat mengukuhkan persaudaraan sesama mereka (Anwar Ibrahim, 2022).

KEYAKINAN

Umumnya, elemen keyakinan dapat menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan. Ini kerana, keyakinan secara sendiri sudah dipercayai, berpotensi dibina dan berimpak untuk meyakinkan apabila dizahirkan dengan hujah

dan panduan yang terbukti benar. Keyakinan mesti diberikan nafas baharu dengan mengembalikan kepercayaan dan pertanggungjawaban. Oleh yang demikian, elemen keyakinan bukan sekadar meraih reputasi bersifat individualisme malah perlu menjadi pegangan penting rakyat dalam kehidupan mereka (Anwar Ibrahim, 2022).

IHSAN

Elemen Ihsan adalah merujuk kepada belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Pada prinsipnya ihsan diklasifikasikan kepada kepada tiga bahagian iaitu; ihsan dari sudut perasaan, ihsan dari sudut nilai dan ihsan dari sudut visi. Dari sudut perasaan, ihsan ditakrifkan sebagai aspek untuk menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain dengan tujuan mencari jalan penyelesaian. Dari sisi nilai pula, ihsan adalah merujuk kepada penghayatan rakyat dengan penuh kejujuran serta tekad untuk memartabatkan aspek ekonomi, sikap dan tingkah laku. Manakala dari sudut visi, ihsan merupakan teras kepada mewujudkan warga Malaysia yang kaya dengan empati khususnya terhadap kelompok minoriti (Anwar Ibrahim, 2022).


KESEJAHTERAAN

Kesejahteraan merujuk kepada ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan. Kalimah sejahtera lazimnya difahami sebagai kehidupan dan segala isinya terangkum dalam makna keseimbangan. Kesejahteraan juga merujuk kepada maksud kejayaan dan kebahagiaan yang diperolehi melalui aktiviti dan pengalaman kerohanian untuk membersihkan jiwa dalam mentaati perintah Allah. Oleh yang demikian, kesejahteraan dalam tonggak masyarakat Madani boleh ditafsirkan sebagai kesejahteraan yang bersifat progresif dan menyeluruh untuk semua rakyat Malaysia. Bahkan rakyat mampu untuk mengembangkan potensi tanpa mengorbankan dan mengeneipkan orang lain (Anwar Ibrahim, 2022).

DAYA CIPTA

Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia. Istilah daya cipta mengandungi beberapa maksud antaranya, pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Sebagai salah satu rukun Madani, istilah ini merujuk kepada negara yang berdaya cipta akan menyediakan persekitaran dan infrastruktur yang kondusif untuk merangsang kreativiti dan menggalakkan penghasilan sistem, produk, idea yang lebih maju (Anwar Ibrahim, 2022).

Gagasan negara Madani bersifat menyeluruh berdasarkan enam tonggak utamanya iaitu M (kemampanan), A (kesejahteraan), D (Daya cipta), A (hormat), N (keyakinan) dan I (Ihsan). Pengenalan kepada pelaksanaan gagasan Madani adalah bertujuan untuk memerangi rasuah yang berleluasa, isu kemiskinan, gejala sosial dan kemusnahan alam sekitar. Kerangka Madani bukanlah sesuatu yang mudah dan bersifat sehalu. Maka konsep ini menekankan aspek tata kelola dalam pelaksanaan terhadap dasar sedia ada terutamanya ketika berdepan kemelut politik dan ekonomi negara sekarang ini. Secara ringkasnya ilustrasi berkaitan enam tonggak dan kerangka dasar yang membentuk masyarakat Madani adalah seperti berikut:



Gambar rajah 2. Kerangka Dasar Madani.
Sumber: Berita Harian Online.

CABARAN MASYARAKAT MADANI

Meskipun Malaysia telah lama merdeka namun kesalahan salah laku, isu ketirisan integriti tetap berterusan. Sebagai contoh, banyak kes rasuah dilaporkan di media saban hari. Bahkan setiap hari rakyat disajikan dengan kelemahan dalam menangani isu sosial dan menangani persoalan kemiskinan baik di luar atau di bandar. Realitinya, masalah yang dihadapi bukanlah disebabkan kelemahan dasar namun cenderung kepada tata kelola, ketirisan dan penyalahgunaan kuasa. Berdasarkan kepada senario semasa yang berlaku, maka sudah pastilah pihak kerajaan mengambil pendekatan dengan memperkenalkan projek Malaysia Madani yang menekankan kepada aspek tata kelola terhadap dasar yang sedia ada diharapkan dapat memperbaiki masalah yang berlanjutan dan memberi imej yang positif khususnya kepada pihak pemerintah dan rakyat. Sudah pastinya, idea Perdana Menteri melalui pelaksanaan penerapan masyarakat Madani diharap dapat melahirkan Malaysia yang maju dan tinggi tamadunnya. Kemajuan ini bukan dinilai dari segi kebendaan atau ekonomi semata-mata, namun yang lebih penting kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban.

Pada hakikatnya, dasar Madani cenderung dikaitkan dengan dua konsep utama di dalamnya mengandungi elemen garapan ketelusan dan kerjasama. Ketelusan merupakan elemen yang penting disebabkan ia menyentuh soal tadbir urus yang baik dan integriti. Malahan perkara tersebut sebenarnya menjadi agenda utama kerajaan dan Perdana Menteri pada masa kini. Elemen kedua yang diberi perhatian adalah kerjasama. Ini terserlah dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan hari ini hasil muafakat dan kerjasama beberapa parti berbeza. Semangat ini perlu dibawa dalam konteks pembangunan negara dan sudah tentu ia pemangkin kemajuan negara.

Tegasnya, Malaysia Madani yang dislogankan oleh pihak kerajaan pada masa kini adalah bertujuan untuk memberi impak positif kepada peningkatan indeks kualiti hidup yang lebih baik kepada rakyat sama ada dari segi ekonomi mahupun sosial. Namun kerangka dasar baharu ini diharapkan dapat memberi peluang dan ruang ekonomi yang saksama kepada rakyat, terutama golongan B40. Selain itu, pelaksanaan dasar juga diharapkan dapat membantu untuk membuka ruang kerjaya yang lebih luas kepada golongan muda yang berhadapan dengan isu pengangguran yang semakin mencemaskan.

Meskipun begitu, slogan yang gah dan memukau sahaja tidak meyakinkan kerana apa yang lebih utama ialah memaknai konsep itu dengan penghayatan dan amalan. Semua tonggak ataupun dikenali sebagai rukun yang mendasari dasar kerangka Malaysia Madani adalah sesuatu yang indah dan terpuji sekiranya dapat dihayati sepenuhnya. Namun, cabaran yang realistik adalah keiltizaman untuk menghayati melaksanakannya secara praktikal berdasarkan kepada garis panduan yang dikehendaki oleh Islam. Malah cabaran lain yang wujud adalah untuk menjadikan Malaysia Madani sebagai naratif nasional bagi membina konsensus baharu yang diterima oleh setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Dalam salah satu cabaran pembangunan agenda Madani iaitu memerangi Islamofobia, Malaysia Madani menentang prasangka dan ketidakadilan yang dilakukan terhadap agama Islam. Malaysia Madani menyokong saudara sesama Islam. Hal ini dikatakan oleh Menteri Luar Negeri iaitu Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dalam Forum Antarabangsa Pendekatan Madani Mendepani Cabaran Islamofobia (Siti Sarah Sofea Abdul Hisham, 2023). Dalam masa yang sama isu berkaitan cabaran ekstremisme agama dan politik yang mengancam identiti bangsa Malaysia perlu diperhalusi dan diselesaikan dengan secara berhikmah serta mententeramkan kebimbangan dan kerungsingan rakyat Malaysia secara umumnya.

KESIMPULAN

Secara itlaknya, agenda Madani yang digagaskan ini dilihat relevan untuk dilaksanakan dalam usaha untuk membangunkan Malaysia sebagai negara yang berperadaban. Projek ini dilihat memiliki potensi besar untuk membantu memperkuat demokrasi dan pembangunan sosial ekonomi yang berlanjutan di Malaysia. Secara tidak langsung, dapat memberi dampak positif untuk melahirkan masyarakat yang berwibawa. Oleh hal yang demikian, peranan aktif masyarakat dalam agenda ini sangat penting untuk merealisasikan hasrat murni ini.

Tegasnya, antara cabaran utama untuk merealisasikan konsep Malaysia Madani adalah pemahaman, perencanaan, pelaksanaan dan penerimaan daripada pelbagai pemegang taruh. Justeru, pembabitan dan sambutan semua pemegang taruh amat penting untuk membangunkan Malaysia Madani bagi mengelakkan ia bertukar menjadi satu slogan kosong ataupun naratif populis yang menjanjikan solusi simplistik. Inilah yang dikatakan bahawa populisme.

Oleh yang demikian, sekiranya konsep Malaysia Madani dapat dipraktik dan direalisasikan dengan penuh tanggungjawab maka rakyat dapat melihat kematangan politik negara berada dalam keadaan stabil. Rakyat akan berkeyakinan dan memberi sokongan yang padu terhadap dasar baharu sekiranya pihak kerajaan komited dan beriltizam memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela. Kesejahteraan rakyat bermula dengan ekonomi yang stabil, selain pembangunan modal insan yang mampan. Justeru, konsep Madani perlu difahami dan diamalkan bukan sahaja penting untuk setiap orang daripada pemimpin namun setiap warga juga perlu menyambut baik dan bersama-sama untuk mendukung dasar tersebut.

RUJUKAN

- Abdelwahab el-Affendi. (2008). *Who needs an Islamic state?* Kuala Lumpur: Think Tank London.
- Al-Ghannoushi, Rashid. (1999). *Muqarabat fi al 'ilmaniyya w'al mujtam` al madani*. London: Maghreb Center for Research and Translation.
- Al-Ghannoushi, Rashid. (2012). *Al-dimuqratiyah wa al-huquq al- insaan fi al-Islam*. Doha: al-Jazeera Centre.
- Anwar Ibrahim. (2022) *Membangun negara Madani*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Al-Hawamil wa al-Syawamil*, Ed. Ahmad Amin and al-Sayyid Ahmad Saqr. Cairo: Lajnah al-wa al-Tarjamah Ta'lif wa al-Nasyr, 1951), 271-272.
- Bakar, O. (1997). Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1-10.
- Hassan Zulkifli. (2015). Konsep Negara Madani Menurut Rashid al-Ghannoushi. Dlm: *Rashid al-Ghannoushi, Intelektual Reformis Gerakan Islam*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur.
- <http://drsidekbaba.blogspot.com/2007/06/islam-adalah-agama-yang-hidup.html>. Capaian pada 17/7/2023.
- Kesatuan nasional tonggak kejayaan masyarakat Madani. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/01/1054564/kesatuan-nasional-tonggak-kejayaan-masyarakat-madani>. Capaian pada 19.7.2023.
- Malaysia Madani. (2023). <https://malaysiamadani.gov.my/pengenalan/>. Capaian pada 20/7/2023.
- Mohd Izaini Mohd Zain (2019). <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/05/562290/demokrasi-usah-sampai-ancam-kedudukan-islam>. Capaian pada 19.7.2023.
- Muhammad b. Muhammad al-. Farabi. (1931). *Ihṣā' al-'ulūm*. Ed. `Utman Muhammad Amin. Matba`at al-Sa`ada.
- Siti Sarah Sofea Abdul Hisham. (2023). *Kerelevanan Agenda Madani*. <https://solidaritas.my/kerelevanan-agenda-madani/>. Capaian pada 20/7.2023.
- Sudi, S., Md Sham, F., & Yama, P. (2017). Spiritual di dalam al-Qur'an: konsep dan konstruk: Spiritual in the Quran: concepts and constructs. *Al-Irsyad, Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(1), 59-72.
- Tamimi, Azzam. (1993). *Rachid al-Ghannoushi: A Democrat Within Islamism*. Oxford: Oxford University Press.